



Pengguna Yang Bijak



Nur Ratnawati Osman



Klik! Rayna tersenyum melihat gambar yang dimuat naik ke akaun Instagram miliknya. Beberapa saat kemudian, dia mendapat tanda suka yang pertama oleh

salah seorang 'pengikutnya' di akaun itu. Rayna memuat naikkan beberapa gambar lagi. Selepas sepuluh minit, dia sudah mendapat hampir lima puluh tanda suka untuk gambar-gambar yang dimuat naiknya itu. Rayna tersenyum puas.

"Rayna, makanan sudah dihidang. Ayuh, makan!" jerit ibu Rayna dari ruang tamu.

Rayna menutup skrin komputer ribanya lalu bergerak ke ruang tamu.

"Apa yang Rayna lakukan di dalam bilik sejak dari tadi?" tanya Puan Laila.

"Rayna sedang melungsur Internet, Bu," jawab Rayna ringkas.

"Hati-hati apabila berada di alam siber. Banyak jenayah alam siber yang sedang berleluasa sekarang," nasihat Puan Laila.

Rayna hanya mendiamkan diri. Dia sedang memikirkan pos yang akan dimuatnaikkannya selepas makan nanti. Rayna gembira kerana mempunyai ham-



pir satu ribu pengikut di akaun Instagramnya. Rayna berasa seolah-olah dirinya seorang **selebriiti**.

Keesokan paginya, Nabilah berjalan ke arah Rayna dengan wajah yang ceria.

“Rayna, kamu sudah siapkan tugas yang Cikgu Hani berikan semalam? tanya Nabilah.

“Oh, saya terlupa membuatnya! Mesti saya dimarahi Cikgu Hani lagi,” jawab Rayna dengan wajah yang letih.

Nabilah hairan melihat sikap rakan baiknya itu. Sejak akhir-akhir ini, Rayna kerap terlupa melakukan

kerja sekolahnya. Dia juga kelihatan letih ketika sesi pembelajaran sedang dijalankan di dalam kelas.

Ketika waktu rehat, Nabilah mengambil peluang untuk bertanya tentang perubahan sikap Rayna.

“Mengapakah awak asyik kelihatan penat sahaja, Rayna?” tanya Nabilah dengan nada yang simpati.

“Yakah? Haha...awak ada-ada sahajalah, Nabilah,” kata Rayna sambil ketawa.

“Kamu tahu, Nabilah? Saya sudah ada hampir seribu pengikut di akaun Instagram saya. Ramai yang ingin menjadi sahabat saya di akaun Facebook sehingga saya tidak ada masa untuk menjawab setiap



mesej **peribadi** yang dihantarkan,” tambah Rayna dengan bangga.

Nabilah terdiam mendengar kata-kata Rayna. Dia bimbang melihat keadaan Rayna yang menggunakan komputer tanpa **pengawasan**. Sebagai seorang duta alam siber bagi kelas mereka, Nabilah tahu dia harus sentiasa berhati-hati ketika berada di alam siber agar tidak terpedaya dengan jenayah alam siber yang semakin berleluasa sekarang.

“Hi, saya Liz. Saya sudah lama mengikuti akaun awak. Saya amat berminat untuk mengenali awak dengan lebih dekat kerana saya dapati kita berdua mempunyai hobi yang sama. Selain itu, kita berdua adalah anak tunggal. Saya sering berasa keseorangan kerana ibu





dan ayah saya terpaksa pulang ke Australia atas urusan perniagaan. Saya terpaksa tinggal di sini bersama mak cik saya," kata-kata itu **terpapar** di peti masuk akaun Rayna sebaik sahaja dia log masuk ke akaunnya.

Rayna berasa simpati dengan keadaan Liz. Dia dapat memahami apa yang Liz lalui kerana ada kalanya dia turut berasa sunyi di rumah. Rayna pun membalas mesej yang dihantar oleh Liz. Akibat terlalu seronok, dia tidak sedar bahawa waktu hampir pukul satu pagi. Rayna terpaksa mengakhiri perbualannya bersama Liz.

Semakin hari, semakin lama Rayna menghabiskan masanya berbual bersama Liz dalam talian.

Perubahan sikapnya merisaukan Cikgu Hani dan Nabilah. Rayna semakin tidak **fokus** di dalam kelas dan asyik terlupa melakukan kerja rumahnya. Cikgu Hani mengambil keputusan untuk menghubungi Puan Laila.



Puan Laila terkejut mendapat panggilan daripada Cikgu Hani. Sememangnya dia perasan perubahan sikap Rayna sejak akhir-akhir ini. Dia berjanji untuk mengawasi sikap Rayna dengan lebih dekat lagi.

“Nabilah, saya sudah membuat temu janji bersama Liz, sahabat siber saya. Dia menjemput saya ke rumahnya pada hari Sabtu ini,” jelas Rayna dengan riang.



Nabilah terkejut. Dia tidak mahu Rayna meneruskan **niat**nya itu. Dia amat curiga dengan Liz. Sudah beberapa kali dia menegur Rayna tentang hal ini.

“Rayna, saya rasa awak harus dapatkan pandangan Cikgu Hani tentang hal ini. Awak tidak tahu siapa Liz sebenarnya. Mungkin dia seorang yang berniat jahat dan menyamar sebagai murid sekolah untuk menjadikan awak **mangsanya**. Awak masih ingatkan kejadian yang saya ceritakan kepada awak dahulu,” pujuk Nabilah.

Rayna terdiam. Dia semakin ragu-ragu dengan keputusannya untuk berjumpa Liz. Ada kalanya dia berasa tidak selesa apabila Liz bertanyakan soalan-soalan yang cukup peribadi.

Pada petang itu, Rayna berjumpa Cikgu Hani bersama Nabilah. Cikgu Hani berasa terkejut namun gembira kerana Rayna telah mendapatkan nasihatnya sebelum berjumpa Liz. Cikgu Hani melarang Rayna untuk meneruskan niatnya itu. Dia juga berjanji untuk menyiasat identiti Liz dengan lebih lanjut.

“Rayna, Ibu minta maaf kerana kurang meluangkan masa bersama kamu. Namun, Ibu bersyukur tiada apa-apa yang buruk berlaku ke atas diri kamu,” ujar Puan Laila dengan sedih.

“Tidak mengapa, Ibu. Rayna juga minta maaf kerana terlalu ketagih **melayari** laman sosial. Rayna menyesal kerana tidak mendapatkan nasihat ibu terlebih dahulu tentang hal ini. Mujur, Nabilah dan Cikgu Hani berjaya melarang Rayna. Rayna tidak sangka



bahawa “Liz” adalah seperti yang Cikgu Hani khabarkan. Rupa-rupanya dia adalah seorang lelaki dewasa yang menyamar sebagai murid sekolah untuk **memerangkap** mangsanya,” jawab Rayna dengan kesal.

Di sekolah, Rayna menghampiri Nabilah dan memeluk sahabatnya itu. Dia terharu mempunyai sahabat yang sangat **prihatin** seperti Nabilah. Jika tidak kerana Nabilah, Rayna mungkin sudah menjadi mangsa kepada perbuatan jahat.



Glosari

selebriti	orang yg terkenal dan menjadi tumpuan ramai
melayari	mendapatkan maklumat (di Internet)
pengawasan	memperhatikan tingkah laku seseorang
terpapar	terbentang supaya dapat dilihat
niat	maksud atau tujuan sesuatu perbuatan
fokus	tumpuan perhatian
mangsa	yang menjadi sasaran atau tujuan perbuatan jahat
peribadi	manusia sebagai dirinya sendiri
prihatin	mengambil berat
memerangkap	memperdayakan orang dengan tipu helah





Trivia

Tahukah kamu bahawa kamu perlu berbicara dengan ibu bapa kamu terlebih dahulu tentang masalah berkaitan buli siber atau ketagihan internet yang sedang kamu hadapi, sebelum berbicara dengan orang lain? Selain ibu bapa, kamu juga boleh berbicara dengan guru kamu. Jika tidak, kamu boleh berbicara dengan seorang kaunselor di laman <https://www.help123.sg/> atau menghubungi talian 1800 6123 123 untuk mendapatkan bantuan atau nasihat daripada mereka.



Aktiviti Bersama Keluarga

Nama Aktiviti : Mendapatkan maklumat

Layari laman-laman berikut bersama anak anda untuk mengetahui cara-cara melindungi dirinya ketika berada di alam siber:

<https://ictconnection.moe.edu.sg/cyber-wellness>

<https://www.help123.sg/>

Senaraikan peraturan yang harus dipatuhi ketika mereka melayari Internet. Tampalkan senarai itu berdekatan komputer sebagai peringatan ketika menggunakan komputer.

